KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	25/1/2022 (SELASA)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JPNK			

Harian Metro | Selasa 25.01.2022 @hmetro

17

JPNK kenal pasti sindiket ceroboh hutan simpan kekal

Jual tanah HSK RM6k aje!

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my

Gua Musang

Teroka Hutan Simpan Kekal (HSK) secara haram dengan menanam kelapa sawit sebelum menjual tanah berkenaan pada harga rendah kepada orang ramai.

Itu antara taktik terbaru dilakukan sindiket pencerobohan HSK yang dikesan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK).

Difahamkan, sindiket itu menawarkan harga hanya RM6,000 bagi keluasan 0.4 hektar kepada pembeli.

Pengarah JPNK, Abdul Khalim Abu Samah ketika mendedahkan perkara itu berkata, walaupun tanah berkenaan dijual tanpa geran, permintaan yang diterima adalah tinggi.

Katanya, kebanyakan pembeli tertarik untuk membeli tanah berkenaan kerana harga yang ditawarkan murah selain sudah terdapat pokok kelapa sawit di kawasan itu.



JABATAN Perhutanan Negeri Kelantan menggunakan jentolak bagi memusnahkan tanaman sawit dalam operasi bersepadu pencerobohan HSK Relai. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

"Ini antara taktik terbaru sindiket pencerobohan HSK yang kita kenal pasti. Mereka akan teroka terlebih dahulu sebelum menjual kepada orang ramai.

"Orang ramai pula menyangkakan tanah berkenaan adalah milik individu menyebabkan mereka membelinya walaupun tidak mempunyai geran, sedangkan ia adalah tanah HSK.

"Justeru, kita mengingatkan orang ramai supaya tidak menjadi mangsa kepada sindiket berkenaan," katanya pada sidang media dalam operasi bersepadu pencerobohan HSK Relai, semalam.

Terdahulu, anggota JPNK memusnahkan tanaman kelapa sawit membabitkan keluasan 20 hektar di HSK Relai yang diceroboh sindiket sejak dua tahun lalu.